

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN SIM TONG HIM

[KOTA MELAKA]

TARIKH : 10 MAC 2014

SOALAN :

YB Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- (a) adakah pegawai-pegawai dan kakitangan Parlimen Malaysia mencukupi untuk menghadapi tambahan persidangan dan urusan-urusan harian; dan

- (b) bilakah perjalanan sistem Parlimen Malaysia kita perlu disusun semula dengan mewujudkan sistem jawatankuasa bagi tujuan tertentu seperti bajet dan kewangan.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
(MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perjawatan di Parlimen Malaysia adalah mencukupi. Walau bagaimanapun, untuk melancarkan lagi urusan, Parlimen Malaysia kini dalam proses memperkuuhkan lagi struktur perjawatan bagi Jawatankuasa-Jawatankuasa Parlimen termasuk Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negara (PAC).
- (b) Seterusnya penubuhan sesebuah Jawatankuasa adalah berdasarkan kepada keperluan dan kehendak semasa. Ini memberikan peluang kepada Ahli Yang Berhormat untuk membincangkan sesuatu isu yang dirujuk kepada Jawatankuasa berkenaan dengan lebih teliti. Namun demikian, sebarang keputusan untuk menubuhkannya memerlukan perancangan yang teliti agar ia dapat berjalan dengan lancar dan berkesan.

Sekian, terima kasih.